



QUALITY THROUGH NDT

**KOMPILASI DOKUMEN  
(AGENDA, MINIT MESYUARAT AGM KE-34, LAPORAN  
SETIAUSAHA, KEWANGAN, JAWATANKUASA, DAN  
USUL)**

*COMPILATION OF DOCUMENTS (AGENDA, 34<sup>th</sup> AGM MINUTE, REPORT OF  
SECRETARY, FINANCIAL, AND COMMITTEE)*

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MSNT KE-35 (2024)  
35<sup>th</sup> MSNT ANNUAL GENERAL MEETING (2024)**

**TARIKH: 30 APRIL 2024**

*DATE: APRIL 30<sup>th</sup>, 2024*

**HARI: SELASA**

*DAY: TUESDAY*

**MASA: 8.00 AM – 1.00 PM**

*TIME: 8.00 AM – 1.00 PM*

**TEMPAT: DAHLIA 1, ARAS 2, BANGI RESORT  
HOTEL, BANGI, SELANGOR**

*VENUE: DAHLIA 1, LEVEL 2, BANGI RESORT HOTEL, BANGI,  
SELANGOR*

**[www.msnt.org.my](http://www.msnt.org.my)**

## ISI KANDUNGAN

AHLI LEMBAGA PENGARAH MSNT 2022 - 2024.....	3
AGENDA AGM KE-35 .....	4
MENGESAHKAN MINIT AGM MSNT KE-34.....	5
LAPORAN SETIAUSAHA MSNT (MEI 2023 – APRIL 2024) .....	13
LAPORAN KEWANGAN MSNT (JANUARI 2022 – DISEMBER 2022) .....	24
LAPORAN-LAPORAN JAWATANKUASA MSNT (MAY 2023 – APRIL 2024) .....	25
LAPORAN JAWATANKUASA PENERBITAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT MSNT .....	25
LAPORAN JAWATANKUASA LATIHAN DAN PERSIJILAN MSNT.....	29
LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT DAN TEKNIKAL MSNT .....	31
LAPORAN JAWATANKUASA KEAHLIAN DAN PERHUBUNGAN AWAM MSNT .....	32
LAPORAN JAWATANKUASA TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN MSNT .....	39
MEMBENTANG DAN MEMBAHASKAN USUL .....	42

## AHLI LEMBAGA PENGARAH MSNT 2022 - 2024 2022 – 2024 MSNT BOARD OF DIRECTORS

Board Member	Committee
<b>Presiden</b> <i>President</i>	Dr. Ilham Mukriz Bin Zainal Abidin (Agensi Nuklear Malaysia)
<b>Timbalan Presiden</b> <i>Vice President</i>	En. Wan Abdullah Bin Wan Hamat (PETRONAS)
<b>Setiausaha</b> <i>Secretary</i>	Dr. Khairul Anuar Bin Mohd Salleh (Agensi Nuklear Malaysia)
<b>Bendahari</b> <i>Treasurer</i>	En. Amry Amin Bin Abas (Agensi Nuklear Malaysia)
<b>Ahli Lembaga</b> <i>Board Members</i>	En. Royce Wong (Advantech Alliance Sdn. Bhd.) En. Muhammad Lutfi Ibrahim (TNB Labs Sdn. Bhd.) En. Saharudin Kambari (NDE Consultancy Sdn. Bhd.) En. Mohd Alamin Pardi (Epic Aero Sdn. Bhd.) En. Ahmad Zamri Sulaiman (ITC Skills Development Sdn. Bhd.) Dr. Ab. Razak Hamzah (Freelance consultant) Dr. Khazali Haji Mohd Zin (Madani NDT Training Centre) En. Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi (UniKL-MFI)
<b>Juruaudit</b> <b>Auditors</b>	Ts. Dr. Mohamad Pauzi Ismail (UTMr Enterprise) Dr. Tamil Moli Loganathan (Politeknik Banting Selangor)

## AGENDA AGM KE-35 35<sup>th</sup> AGM AGENDA

- 8.00 – 8.30 **Pendaftaran & Sarapan**  
*Registration & Breakfast*
- 8.30 – 8.45 **Kata-kata aluan Presiden MSNT**  
*MSNT President welcome remark*
- 8.45 – 11.15 **Sesi Mesyuarat Agung Tahunan**  
*Annual General Meeting in session*
- Mengesahkan minit AGM MSNT ke-34  
*Approval of 34<sup>th</sup> MSNT AGM minute*
  - Perkara berbangkit  
*Matters raised*
  - Laporan Setiausaha MSNT (April 2023 – April 2024)  
*MSNT Secretary Report (April 2023 – April 2024)*
  - Laporan Kewangan MSNT (Januari 2023 – Disember 2023)  
*MSNT Treasury Report (January 2023 – December 2023)*
  - Laporan-laporan Jawatankuasa MSNT (April 2023 – April 2024)  
*MSNT Committee Reports (April 2023 – April 2024)*
  - Membentang dan membahaskan usul  
*Presentation and debate on proposed motions*
  - Hal-hal lain  
*Other matters*
- 11.15 – 12.30 **Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah MSNT (BOD) untuk April 2024 – April 2026**  
*MSNT Board of Directors (BOD) for June 2024 – June 2026 Election*
- 12.30 – 12.45 **Ucapan Penutup Presiden MSNT yang baru**  
*Closing remarks by the newly elected MSNT President*
- 12.45 – 1.00 **Sesi fotografi berkumpulan**  
*Group photo session*
- 1.00 – 2.00 **Merarau**  
*Lunch*

## MENGESAHKAN MINIT AGM MSNT KE-34 APPROVAL OF 34<sup>th</sup> MSNT AGM MINUTE

### 1. Kehadiran

Bil	Nama
1	Ab. Razak Hamzah, Dr
2	Abd. Nassir Ibrahim, Dr
3	Abdul Quddoos Abu Bakar
4	Afiq Azmi
5	Ahmad Khuzairi
6	Ahmad Muizzuddin
7	Amir Amrullah Azahari
8	Amry Amin Abas
9	Ang Chee Kheong
10	Anuar Wahab
11	Asyraf Arif Abu Bakar
12	Awaldin Mohd Arif
13	Azhar Hj Mohd
14	Chang Siang Chak
15	Haji Mohd. Subari Selamat
16	Hasnul Hadi Hashim
17	Hazwan Haziq
18	Helmy Sakir
19	Hidir Mokhtar
20	Ilham Mukriz Zainal Abidi, Dr
21	Jeffry Jamil
22	Khairul Anuar Abd Wahid
23	Khairul Anuar Mohd Salleh, Dr
24	Khazali Hj. Mohd Zin, Dr
25	Lhasen @ Normanshah Dahing
26	Lee Han Chung
27	Lee Hoon Teik
28	Leong Chee Hon
29	Loo Chee Sing
30	Mohd Alamin Pardi
31	Mohd Amirul Syafiq Mohd Yunos, Dr
32	Mohd Azam Saat
33	Mohd Fitri Abdul Rahman
34	Mohd Yusnisyam Yusof
35	Mohd Zaki Umar, Dr
36	Muhamad Ashraf Ansarudin
37	Muhammad Adharuddin Abd. Rahman
38	Muhammad Hafiz Ngah Dari
39	Muhammad Lutfi Ibrahim
40	Muhammad Nur Farhan Saniman, Dr
41	Nazaruddin Dato' Razali
42	Noorhazleena Azaman
43	Nor Hafzan Sarah Almuin
44	Nurul A'in Ahmad Latif
45	Nuurul Akhyar Rozikin
46	Raffizul Anizan Razali
47	Rahman Muhd
48	Royce Wong Chee Moong
49	Ruhaizal Hafiz Said
50	S. Divagaran
51	Saharudin Kambari
52	Sapizah Rahim, Dr
53	Shaharudin Sayuti
54	Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi
55	Sri Yulis, Dr
56	Subhi Radzuan
57	W. Nazrul Faizal
58	Wan Abdullah Wan Hamat
59	Wan Mohd Husni
60	Wan Syazlin Wan Yunoh
61	Zulfahmy Awaldin

## 2. Agenda

- 8.00 – 8.30 **Pendaftaran & Sarapan**  
*Registration & Breakfast*
- 8.30 – 8.45 **Kata-kata aluan Presiden MSNT**  
*MSNT President welcome remark*
- 8.45 – 9.45 **Pembentangan Teknikal**  
*Technical Presentation*
- 9.45 – 10.00 **Penyampaian Sijil Anugerah APFNDT & MSNT**  
*Presentation of APFNDT & MSNT Award Certificates*
- 10.00 – 10.20 **Kudapan**  
*Morning break*
- 10.20 – 12.20 **Sesi Mesyuarat Agung Tahunan**  
*Annual General Meeting in session*
- Mengesahkan minit AGM MSNT ke-33  
*Approval of 33<sup>rd</sup> MSNT AGM minute*
  - Perkara berbangkit  
*Matters raised*
  - Laporan Setiausaha MSNT (Jun 2022 – April 2023)  
*MSNT Secretary Report (June 2022 – April 2023)*
  - Laporan Kewangan MSNT (Januari 2022 – Disember 2022)  
*MSNT Treasury Report (January 2022 – December 2022)*
  - Laporan-laporan Jawatankuasa MSNT (Jun 2022 – April 2023)  
*MSNT Committee Reports (June 2022 – April 2023)*
  - Membentang dan membahaskan usul  
*Presentation and debate on proposed motions*
  - Hal-hal lain  
*Other matters*
- 12.20 – 12.30 **Ucapan Penutup Presiden MSNT**  
*Closing remarks by MSNT President*
- 12.30 – 12.45 **Sesi fotografi berkumpulan**  
*Group photo session*
- 12.45 – 2.00 **Merarau**  
*Lunch*

### 2.1. Bacaan Doa

Bacaan doa telah disempurnakan oleh Dr. Muhammad Nur Farhan Saniman.

### 2.2. Kata-kata aluan Presiden MSNT

Assalamualaikum dan selamat pagi sidang hadirin semua,

Alhamdulillah, kita panjatkan syukur pada Allah S.W.T dengan izinNya kita sekali lagi dapat bertemu dalam mesyuarat ini, iaitu Mesyuarat Agung Tahunan MSNT yang ke-34. Kita bermula agak sedikit lewat dan oleh kerana kita akan ada pembentangan teknikal nanti maka saya akan cuba memendekkan ucapan pembukaan saya. Saya mewakili ahli lembaga pengarah MSNT mengucapkan

terima kasih kepada tuan puan kerana sudi datang ke AGM dan meluangkan masa bermesyuarat dan seterusnya memastikan aktiviti-aktiviti persatuan dapat dirancang dan dijalankan dengan baikny.

Mesyuarat AGM yang diadakan hari ini telah ditunda daripada bulan April hingga ke 3 haribulan Mei, disebabkan pada tahun ni bulan Ramadan jatuh pada bulan April jadi kita seboleh-bolehnya hendak mengadakan AGM secara fizikal dan boleh makan minum serta berinteraksi bersama rakan-rakan. AGM merupakan satu platform untuk berjumpa rakan-rakan yang mungkin setahun sekali sahaja kita berjumpa. Pada kesempatan ini juga kita dapat megembangkan jaringan kita dengan komuniti NDT di Malaysia.

Untuk memendekkan ucapan saya pada pagi ini, satu perkataan saya boleh simpulkan pada AGM ini ialah pengiktirafan. Saya akan fokus dan tekankan kepada pengiktirafan. Pengiktirafan pertama yang saya ingin katakan ialah pemberian APFNDT kepada MSNT di atas kejayaan penganjuran MINDTCE pada tahun 2022 yang lepas. Pihak APFNDT berpandangan ini merupakan satu konferens peringkat nasional dan antarabangsa tapi telah berjaya menarik lebih daripada 1100 peserta untuk hadir pada konferens dan pameran tersebut. Ini merupakan suatu kejayaan besar jika dibandingkan dengan skala serantau yang dianjurkan contohnya Asia-Pacific Conference for Non-Destructive Testing (APCNDT) yang baru-baru ini diadakan di Melbourne Australia pada Februari yang lalu. Bilangan yang hadir adalah lingkungan 303-400 orang, jika dibandingkan konferens kita. Kejayaan kita menarik lebih 1100 orang untuk hadir ini adalah satu kejayaan yang sangat besar dan diiktiraf oleh pihak Asia Pacific Federation for NDT (APFNDT). Saya mewakili pihak MSNT berterima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah secara langsung dan tidak langsung menyokong penganjuran MINDTCE.

Untuk makluman piala ini telah diberikan oleh pengerusi ataupun Presiden APFNDT semasa berlangsungnya APCNDT di Melbourne baru-baru ini. Susulan daripada pengiktirafan kejayaan MINDTCE kita juga telah menerima beberapa pengiktirafan berbentuk anugerah yang telah diberikan kepada Ahli-ahli MSNT dan rakyat Malaysia yang lain.

Anugerah pertama yang dinamakan 'APFNDT Awards' telah diberikan kepada individu yang telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan NDT di peringkat nasional dan Asia Pasifik. Penerimaan anugerah ini adalah sangat-sangat membanggakan kepada MSNT dan rakyat Malaysia kerana hanya seorang sahaja yang dipilih di peringkat Asia Pasifik. Setinggi-tinggi tahniah kepada penerima anugerah yang akan kita raikan sebentar lagi. Anugerah kedua yang kita telah terima yang dinamakan 'Recognition of Volunteers in NDT' telah diberikan kepada rakan kita di JPK. Bagi anugerah ini hanya empat individu telah menerima anugerah ini di peringkat Asia Pasifik selain daripada Australia, China, Singapura dan Malaysia telah menerima anugerah ini. Ini merupakan pengiktirafan kepada sumbangan NDT di peringkat serantau dan antarabangsa.

Untuk makluman semua, dari segi latihan dan persijilan Malaysia telah dipilih untuk menjadi penganjur untuk mengadakan kursus latihan oleh pihak International Atomic Energy Agency (IAEA) untuk Radiographic Testing - Digital ataupun RT-D level 2 yang akan diadakan di Agensi Nuklear Malaysia bermula daripada 15 Mei hingga 1 Jun 2023. Ini juga merupakan satu pengiktirafan di atas latihan dan juga persijilan NDT di nasional terutamanya bagi bidang teknik Advance NDT, di mana Malaysia merupakan satu-satunya negara di Asia Tenggara yang setakat ini berjaya untuk menganjurkan latihan dan persijilan bagi RT-D berdasarkan ISO 9712.

Akhir sekali, seperti kita sedia maklum semasa di APCNDT, MSNT telah mengambil bahagian untuk membida penganjuran APCNDT yang akan diadakan pada tahun 2029 dan ini merupakan kali ketiga

MSNT mencuba dan alhamdulillah kali ini usaha kita telah berjaya. Dengan sokongan yang kita terima daripada Malaysia Convention Exhibition Bureau (MyCEB), Tourism Malaysia, kedutaan Malaysia di Sydney dan juga Malaysia Airlines, maka dengan ini kita akan menjadi hos untuk APCNDT bagi tahun 2029.

Perjalanan kita masih jauh lagi bagaimanapun diharapkan dengan kejayaan MINDTCE pada tahun lepas kita dapat ulang semula dan membuat lebih baik lagi dan semoga menjadi APCNDT nanti menjadi yang paling berjaya di peringkat Asia Pasifik.

Sebagai penutup bagi ucapan saya pada pagi ini saya ingin kongsi video Road to APCNDT 2029 untuk tatapan semua. Dengan itu saya sudahi ucapan saya pada pagi ini dengan tasbih kifarrah dan selamat menonton.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

### **2.3. Pembentangan Teknikal**

Pembentangan teknikal telah disampaikan oleh En. Wan Abdullah Wan Hamat bertajuk 'Revolutionize Inspection & Maintenance Philosophy'.

*Makluman*

### **2.4. Penyampaian Sijil Anugerah APFNDT & MSNT**

Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin menyampaikan sijil anugerah APFNDT dan MSNT kepada penerima-penerima.

*Makluman*

### **2.5. Mengesahkan minit AGM MSNT ke-33 (2022) dan perkara berbangkit**

Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr. Ilham Mukriz sebagaimana dinyatakan dalam Perlembagaan:

*Article VI, Section 1 – President shall preside at all annual and special meetings of the Society and shall be an ex-officio member of all sub committee.*

Tiada bantahan diterima oleh ahli yang hadir.

Pengerusi seterusnya membacakan minit AGM MSNT ke-33. Tiada komen dan perkara berbangkit yang disuarakan oleh ahli-ahli.

Mesyuarat bersetuju minit AGM MSNT ke-33 disahkan.

Pencadang: Hj. Mohd. Subari Selamat

Penyokong: En. Ruhaizal Hafiz Said

## **3. Pembentangan dan meluluskan Laporan tahunan November 2022 – Mac 2023**

Laporan tahunan dimulakan dengan laporan daripada Setiausaha (Lampiran 1), diikuti oleh laporan kewangan oleh Bendahari (Lampiran 2), seterusnya laporan daripada setiap Jawatankuasa Kecil (JK) MSNT iaitu laporan oleh Pengerusi JK Penerbitan dan Pengurusan Maklumat (halaman 25), laporan oleh Pengerusi JK Latihan Dan Persijilan (halaman 29), laporan oleh Pengerusi JK Penasihat & Teknikal



(halaman 31), laporan oleh Pengerusi JK Keahlian dan Perhubungan Awam (halaman 32), dan diakhiri dengan laporan oleh Pengerusi JK Teknologi dan Penyelidikan (halaman 39).

### 3.1. Laporan Setiausaha MSNT (Jun 2022 – April 2023)

- a) Laporan telah dibentangkan oleh Setiausaha iaitu Dr. Khairul Anuar Mohd Salleh.  
Makluman
- b) Tiada komen dan perkara berbangkit yang disuarakan oleh ahli-ahli.  
Makluman

Laporan Setiausaha ini seterusnya dicadang untuk disahkan dan telah disokong oleh :

Pencadang : En. Ang Chee Kheong

Penyokong : Dr. Sri Yulis

### 3.2. Laporan Kewangan (Januari 2022 – Disember 2022)

- a) Penyata kira-kira berakhir Disember 2022 telah dibentangkan oleh Bendahari, En. Amry Amin bin Abas.  
Makluman
- b) Tiada komen dan perkara berbangkit yang disuarakan oleh ahli-ahli.  
Makluman

Laporan Kewangan ini seterusnya dicadang untuk disahkan dan telah disokong oleh :

Pencadang : Dr. Muhammad Nur Farhan Saniman

Penyokong : En. Afiq Azmi

### 3.3. Laporan Jawatankuasa Kecil (JK) MSNT (Jun 2022 – April 2023)

#### 3.3.1. Laporan JK Penerbitan dan Pengurusan Maklumat

- a) Laporan telah dibentangkan oleh pengerusi Jawatankuasa, Dr. Khairul Anuar Mohd Salleh.  
Makluman
- b) Tiada komen dan perkara berbangkit yang disuarakan oleh ahli-ahli.  
Makluman

#### 3.3.2. Laporan JK Latihan Dan Persijilan

- a) Laporan telah dibentangkan oleh wakil Jawatankuasa, Dr. Khazali Hj. Mohd Zin menggantikan Hj. Ahmad Zamri Sulaiman yang tidak dapat hadir.  
Makluman
- b) En. Jeffry Jamil bertanya apakah praktis SNT-TC-1A untuk diimplementasikan?

Respon Ahli Lembaga Pengarah MSNT

R1. Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin memaklumkan bahawa sistem asalnya adalah berkesan namun lama kelamaan ada syarikat yang melanggar peraturan sistem tersebut.

- R2. En. Shaharudin Kambari memaklumkan bahawa syarikat cuma perlu menggunakan praktis yang disarankan oleh ASNT dan menyesuaikan mengikut keperluan. Sijil tidak sah sekiranya individu berkenaan berpindah syarikat dan beliau perlu disijilkan semula. Syarikat juga perlu semak samada SNT-TC-1A mematuhi keperluan yang ditetapkan setiap syarikat.

*Makluman*

- c) Dr. Abd Nassir Ibrahim bertanya apakah pegangan PETRONAS terhadap SNT-TC-1A?

*Respons Ahli Lembaga Pengarah MSNT*

- R1. En. Wan Abdullah Wan Hamat memaklumkan bahawa PETRONAS secara amnya menerima SNT-TC-1A. Untuk situasi di Malaysia 3 soalan akan ditanya iaitu jam latihan, pengalaman latihan dan kertas peperiksaan kemudian baru dijalankan ujian mock-up.

*Makluman*

- a) En. Jeffry Jamil bertanya apakah status latihan yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar universiti berdasarkan senario SNT-TC-1A?

*Respons Ahli Lembaga Pengarah MSNT*

- R1. En. Shaharudin Kambari memaklumkan pengalaman latihan bergantung kepada syarikat yang dimohon. Setiap syarikat akan semak semula samada memenuhi keperluan mereka atau tidak dan kemudian baru dijalankan ujian *mock-up*.

*Makluman*

- a) Dr. Abd Nassir Ibrahim bertanya apakah langkah secara saksama telah diambil dan adakah kebebasan telah diberikan untuk badan persijilan baru?

*Respons Ahli Lembaga Pengarah MSNT*

- R1. Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin memaklumkan bahawa badan berwajib perlu mengawal kemasukan pekerja luar, bagaimanapun pihak MSNT juga akan mengadakan perbincangan dengan pihak terbabit dan akan memklumkan hasilnya.

*Ahli Lembaga Pengarah MSNT*

### **3.3.3. Laporan JK Penasihat dan Teknikal**

- a) Laporan telah dibentangkan oleh pengerusi Jawatankuasa, Dr. Ab Razak Hamzah
- Makluman*
- b) En. Amir Amrullah Azahari bertanya apakah peranan MSNT mengenai isu kadar upah inspektor NDT terutamanya yang bekerja bebas.

*Respons Ahli Lembaga Pengarah MSNT*

- R1. Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin memaklumkan bahawa MSNT telah terlibat dalam perbincangan kadar upah tersebut namun syarikat/majikan meminta MSNT agar tidak melibatkan diri. Isu ini juga diluar skop, fungsi dan objektif persatuan selain ia melibatkan banyak pihak seperti syarikat, pengguna, pembekal dan lain-lain.

R2. En. Wan Abdullah Wan Hamat memaklumkan bahawa PETRONAS sedar mengenai isu ini dan akan mengenalpasti mekanisma penyelesaiannya untuk menyokong inspektor NDT. Bagaimanapun hasilnya bergantung juga kepada mentaliti majikan.

R3. Dr. Ab Razak Hamzah memaklumkan beliau pernah ditugaskan untuk membuat proposal mengenai kadar upah inspektor NDT. Tempoh 1 bulan telah diberikan kepada syarikat dan majikan untuk mengusulkan kadar standard mereka. Walaubagaimanapun tiada maklumbalas diterima dari syarikat dan majikan.

*Makluman*

a) En. Amir Amrullah Azahari bertanya apakah MSNT akan mewujudkan forum interaktif dua hala seperti ndt.net?

Respons Ahli Lembaga Pengarah MSNT

R1. Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin memaklumkan bahawa MSNT akan melaksanakan fungsi forum seperti itu pada laman web MSNT dalam masa terdekat.

*Ahli Lembaga Pengarah MSNT*

### **3.3.4. Laporan JK Keahlian dan Perhubungan Awam**

a) Laporan telah dibentangkan oleh pengerusi Jawatankuasa, En. Amry Amin Abas.

*Makluman*

b) En. Wan Abdullah Wan Hamat memaklumkan bahawa beliau berbesar hati untuk menaja gelanggang sekiranya MSNT menganjurkan kejohanan badminton.

Respons Ahli Lembaga Pengarah MSNT

R1. En. Amry Amin Abas memaklumkan MSNT akan menganjurkan kejohanan badminton pada tahun 2023 ini sekiranya keadaan mengizinkan.

*JK Keahlian dan Perhubungan Awam*

### **3.3.5. Laporan JK Teknologi dan Penyelidikan**

a) Laporan telah dibentangkan oleh pengerusi Jawatankuasa, En. Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi.

*Makluman*

b) Tiada komen dan perkara berbangkit yang disuarakan oleh ahli-ahli.

*Makluman*

Laporan – laporan Jawatankuasa Kecil ini seterusnya dicadang untuk disahkan dan telah disokong oleh:

Pencadang: Dr. Muhammad Nur Farhan Saniman

Penyokong: En. Afiq Azmi

#### 4. Membenteng dan membahaskan cadangan serta usul

Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin memaklumkan tiada cadangan dan usul yang diterima.

*Makluman*

#### 5. Hal-hal lain

Tiada hal-hal lain yang disuarakan oleh ahli-ahli.

*Makluman*

#### 6. Ucapan Penutup Presiden MSNT

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Saya mewakili MSNT ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang telah meluangkan masa untuk hadir dan memberikan komitmen ke atas aktiviti MSNT. Semestinya kita memerlukan lebih banyak masa untuk membincangkan pelbagai perkara lagi.


Untuk makluman tuan-puan, pada tahun hadapan MSNT akan menganjurkan 7<sup>th</sup> MINDTCE dan pelbagai aktiviti lain. Saya mohon semua ahli-ahli untuk menyokong aktiviti-aktiviti ini. Sebagai penganjur APCNDT pada 2030, saya juga mohon MSNT menjadi penganjur yang berjaya dan dapat mengumpulkan pengunjung yang ramai.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli yang dapat hadir pada hari ini dan semoga kita semua dapat berjumpa lagi dalam aktiviti-aktiviti MSNT di masa hadapan. Assalamualaikum wbt.

Mesyuarat di tangguhkan jam 1:00 petang.

#### PENGESAHAN

Disahkan untuk dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan oleh:



Dr. Ilham Mukriz Bin Zainal Abidin  
Presiden  
Sesi 2022 – 2024



Dr. Khairul Anuar Bin Mohd Salleh  
Setiausaha  
Sesi 2022 – 2024

## LAPORAN SETIAUSAHA MSNT (MEI 2023 – APRIL 2024)

### MSNT Sactetary Report (May 2023 – April 2024)

#### 1. Mesyuarat dan Perjumpaan oleh Ahli Lembaga Pengarah / Board of Directors (BOD)

##### 1.1. Bilangan mesyuarat BOD (Mei 2023 – April 2024)

Berikut ialah senarai mesyuarat (Jadual 1) yang telah diadakan oleh Ahli Lembaga Pengarah (BOD) MSNT.

Jadual 1: Senarai mesyuarat BOD Mei 2023 – April 2024

Bil.	Perkara	Tarikh	Tempat
1.	Mesyuarat BOD MSNT 2022-2024 BIL. 1/2023	16 Ogos 2023	Atas talian
2.	Mesyuarat BOD MSNT 2022-2024 BIL. 2/2023	17 Oktober 2023	Atas talian
3.	Mesyuarat BOD MSNT 2022-2024 BIL. 1/2024	6 Februari 2024	Atas talian

Antara agenda yang telah dibincangkan dirumuskan seperti berikut:

- a) Membincangkan perkara berbangkit dari AGM MSNT Ke-34.
- b) Penyediaan borang tinjauan *NDT Service Provider Award*.
- c) Penyediaan dokumen (*coffee table book*) yang menyatakan aktiviti, sumbangan dan output BOD MSNT. Dokumen ini akan diberi pada setiap BOD sebagai cenderahati pada MINDTCE.
- d) Kunjungan hormat keatas Ketua Pengarah JPK, Ts. Dr Mohamad bin Sulaiman pada 6 Jun 2023. Antara topik yang dibincangkan semasa perjumpaan ialah status skim pensijilan kebangsaan untuk NDT yang dilaksanakan oleh JPK, prospek, dan kerjasama tertutup antara MSNT dan JPK. Mesyuarat juga membincangkan penambahbaikan masa hadapan yang boleh dilakukan bagi mempertingkatkan keberkesanan skim pensijilan JPK selaras dengan perkembangan keperluan industri dan kemajuan teknologi terkini.
- e) Kunjungan hormat keatas Ketua Pengarah JPK, Pn. Zuleah Darsong pada 27 November 2023. MSNT diwakili oleh Dr. Ilham, Dr. Khairul, Dr. Razak, En. Alamin dan En. Amry. Antara isu yang dibangkitkan pada pertemuan itu ialah isu pengiktirafan NOSS Aeroangkasa oleh CAAM, pemerkasaan persijilan NDT JPK dan juga JPK sebagai organisasi sokongan bagi acara yang dianjurkan MSNT iaitu 7<sup>th</sup> MINDTCE (2024) serta 18<sup>th</sup> APCNDT (2029).
- f) Cadangan senarai aset lama MSNT untuk pelupusan supaya tidak perlu dilaporkan pada AGM.
- g) Cadangan perlaksanaan Latihan Kesedaran ISO 17020 oleh MSNT secara dalaman.
- h) Perlaksanaan pembangunan dokumen Future NDT Application (IR 4.0).
- i) Perlaksanaan pembangunan buku formula 'on-site' NDT untuk kaedah Ultrasonic Testing (UT).
- j) Penganjuran Kejohanan Golf MSNT 2023 pada 26 Ogos 2023 bertempat di Padang Golf Danau, UKM, Bangi.
- k) Perlaksanaan permintaan daripada BEM dan MQA untuk mengadakan ceramah latihan industri berkaitan NDT di universiti-universiti berkaitan.
- l) Merancang mengadakan perjumpaan dengan organisasi berikut:
- m) Kunjungan hormat MSNT ke atas Pengarah Urusan TNB Labs;

- n) Perbincangan diantara MSNT bersama Jabatan Standards dan JPK untuk membincangkan isu kebanjiran sijil-sijil NDT yang meragukan pada masa kini (ISO 9712), juga tiada badan yang dapat menyemak kesahihan syarikat yang mengeluarkan sijil tersebut.
- o) Penganjuran Kejohanan Badminton MSNT 2024 pada 24 Februari 2024 bertempat di Puchong Sport Center.
- p) Penganjuran 7<sup>th</sup> Malaysia International Non-Destructive Testing Conference and Exhibition (7<sup>th</sup> MINDTCE) pada 20-21 Ogos 2024 bertempat di Sunway Resort Hotel.

### **1.2. Bilangan penglibatan/perjumpaan/perbincangan BOD MSNT Bersama Agensi/Organisasi lain**

Berikut ialah senarai mesyuarat (Jadual 2) yang telah diadakan oleh BOD MSNT bersama agensi/organisasi lain:

*Jadual 2: Senarai penglibatan/perjumpaan/perbincangan BOD mewakili MSNT bersama Agensi/Organisasi lain*

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>
1.	Mesyuarat Program <i>Knock the Door (KTD)</i>	23 Mei 2023	JPK, Cyberjaya
2.	Seminar Memperkasa Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	30 Mei 2023	Hotel Everly, Putrajaya
3.	Inspection Accreditation Evaluation Panel (IAEP) Meeting (IAEP No. 11/2023)	21 Julai 2023	Atas talian
4.	Kunjungan hormat keatas KP JPK	8 Jun 2023	JPK, Putrajaya
5.	Mesyuarat Kerja Bagi Penyelarasan Aktiviti ILB di bawah Program <i>Knock the Door (KTD)</i> ILB 2023	8 Ogos 2023	Hotel Sama-Sama, KLIA Sepang
6.	Sesi Dialog Belanjawan 2024 Kementerian Sumber Manusia	13 September 2023	Hotel Dorsett, Putrajaya
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Standard Bil. 4/2023	26 Oktober 2023	Sama-sama Hotel, KLIA
8.	Kunjungan hormat keatas KP JPK	27 November 2023	JPK, Putrajaya
9.	Mesyuarat Penyelarasan Bagi Perlaksanaan Aktiviti ILB 2024	24 Jan 2024	Atas talian
10.	Seminar Tripartite (3 Penjuru) Antara Industri, Pusat Latihan dan Pendidikan TVET dan Agensi Kerajaan Tahun 2024	5 Mac 2024	Hotel Palm Garden, IOI Resort



Gambar 1: Kunjungan hormat keatas Ketua Pengarah JPK, Ts. Dr Mohamad bin Sulaiman



Gambar 2: Kunjungan hormat keatas Ketua Pengarah JPK, Pn. Zuleah Darsong di JPK Putrajaya



Gambar 3: Mesyuarat KTD di JPK, Cyberjaya



Gambar 4: Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Standard Bil. 4/2023



Gambar 5: Seminar Tripartite (3 Penjuru) Antara Industri, Pusat Latihan dan Pendidikan TVET dan Agensi Kerajaan Tahun 2024



### 1.3. Penyertaan MSNT dalam Acara/Program/Aktiviti Luar

#### a) European Conference on Non-Destructive Testing (ECNDT) 2023

Presiden MSNT, Dr. Ilham Mukriz telah menghadiri ECNDT 2023 yang berlangsung pada 3-7 Julai 2023 bertempat di Lisbon. Beliau turut menyertai mesyuarat ISO TC135 ketika disana.



Gambar 6: Presiden MSNT di ECDNT 2023

#### b) 7th Symposium on Damage Mechanics of Materials and Structures (DMMS)

DMMS telah dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 19-20 September 2023 bertempat di Bangi Resort Hotel, Selangor. Naib Presiden MSNT, Encik Wan Abdullah Wan Hamat terlibat sebagai salah seorang penceramah terhormat di simposium ini.

#### c) Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030

MSNT turut melibatkan diri secara aktif dalam program utama Pembangunan Teknologi NDT Lanjutan. Melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan utama, institut penyelidikan dan universiti, MSNT membawa kepakaran dan pandangan untuk memacu penggunaan teknik NDT termaju.

#### d) 8th National Seminar on Materials and Structural Integrity

Program seminar ini telah berlangsung pada 17-18 Oktober 2023 bertempat di Grand Paragon Hotel, Johor Bahru. Program seminar ini padat dengan ucap-tama dan pembentangan yang merangkumi pelbagai topik yang berkaitan dengan bahan dan

integriti struktur. MSNT telah diwakili oleh Naib Presiden dan Bendahari MSNT untuk menyampaikan pembentangan.



Gambar 7: Encik Wan Abdullah Wan Hamat menyampaikan ceramah pada simposium DMMMS



Gambar 8: Penglibatan MSNT semasa Majlis Pelancaran DTNN 2030

e) **X International Industrial Forum “NDT Territory” dan XXIII Russian National Conference on Non-Destructive Testing and Technical Diagnostics**

- i. Delegasi Malaysia diketuai oleh Dr. Khairul Anuar Mohd Salleh (Setiausaha MSNT) dan En. Amry Amin Abas (Bendahari MSNT). Acara berlangsung pada 23 hingga 25 Oktober 2023 bertempat di Expocentre Fairgrounds at Krasnaya Presnya, Moscow, Russia.
- ii. Sesi untuk pembentangan dan pameran acara tersebut dijalankan secara serentak. Pada masa yang sama mereka turut memberi anugerah dan mengadakan pertandingan kemahiran. Dr. Khairul Anuar turut berperanan sebagai perasmii, memberi ucapan dan menyampaikan hadiah.

- iii. Dr. Khairul Anuar turut mempromosikan 7th MINDTCE (2024) serta 18th APCNDT (2029).



Gambar 9: Penyertaan MSNT di 8th National Seminar on Materials and Structural Integrity

**f) E-Mobility Asia (EMA) 2023 & Malaysia EV 2023 Ecosystem Skills Conference**

- i. E-Mobility Asia (EMA) 2023 telah berlangsung dari 22 hingga 24 November 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Acara ini menyediakan platform unik untuk pameran dan peserta sama-sama terlibat dan mempelajari tentang inovasi kenderaan elektrik (EV) terkini. MSNT telah mengambil bahagian sebagai peserta pameran di gerai G403.
- ii. Presiden MSNT juga telah mengambil bahagian dalam Persidangan Kemahiran Ekosistem EV Malaysia 2023 pada 24 November 2023. Beliau juga terlibat sebagai salah seorang ahli panel bagi sesi dialog bertemakan "Memperkasakan Program TVET untuk Pengiktirafan Antarabangsa".  
MSNT juga telah menyampaikan sesi pembentangan bertajuk "*NOSS and Beyond: Fostering Industry Excellence in Green Technology with NDT and RT-D*" semasa persidangan itu. Pembentangan ini bertujuan untuk menonjolkan peranan penting *National Occupational Skills Standard (NOSS)*, *Non-Destructive Testing (NDT)* dan
- iii. *Radiographic Testing - Digital (RT-D)* dalam memacu kecemerlangan dan kemampanan industri dalam landskap kenderaan elektrik dan teknologi hijau yang sentiasa berkembang.




Gambar 10: Delegasi MSNT di Moscow, Russia



Gambar 11: Gerai pameran MSNT di EMA 2023



Gambar 12: Presiden MSNT sebagai panel pada sesi dialog



Gambar 13: Wakil MSNT meyampaikan pembentangan pada Malaysia EV 2023 Ecosystem Skills Conference

**g) Technical Talk on NDT for Civil Engineering Inspection**

- i. MSNT dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia telah menganjurkan "Technical Talk on NDT for Civil Engineering Inspection". Ceramah berlangsung pada 7 Februari 2024 bertempat di Bilik Seminar, Blok 11, Agensi Nuklear Malaysia, Bangi.
- ii. Penceramah terdiri daripada pakar International Atomic Energy Agency (IAEA) iaitu pakar industri, Abel Domato Jayo dan Dario Foppoli, pakar dalam NDT untuk Kejuruteraan Awam.
- iii. MSNT juga telah menyampaikan sesi pembentangan bertajuk "*NOSS and Beyond: Fostering Industry Excellence in Green Technology with NDT and RT-D*" semasa persidangan itu. Pembentangan ini bertujuan untuk menonjolkan peranan penting *National Occupational Skills Standard (NOSS)*, *Non-Destructive Testing (NDT)* dan *Radiographic Testing (RT-D)* dalam memacu kecemerlangan dan kemampuan industri dalam landskap kenderaan elektrik dan teknologi hijau yang sentiasa berkembang.



Gambar 14: Penceramah dan peserta pada Ceramah Teknikal NDT-CE

**2. Kemaskini logo MSNT**

Logo MSNT telah dikemaskini, sesuai dengan nama rasmi MSNT seperti didalam perlembagaan.



Logo lama



Logo yang telah dikemaskini

### 3. Alamat Surat Menyurat

Tempat operasi persatuan masa ini adalah di Agensi Nuklear Malaysia. Segala surat menyurat dan pertanyaan berkenaan urusan MSNT bolehlah di alamatkan kepada Setiausaha MSNT, Industrial Technology Division, Block 29T, Agensi Nuklear Malaysia, Bangi, 43000 Kajang, Selangor (no. tel: 03-89112000) atau emelkan kepada Dr. Khairul Anuar bin Mohd Salleh di [secretary@msnt.org.my](mailto:secretary@msnt.org.my) atau [contacts@msnt.org.my](mailto:contacts@msnt.org.my).

### 4. Mengemaskini Keahlian

#### 2.2.1 "Article V Section 3-Renewal of Membership

2.2.1.1 *All membership in the Society is due for renewal on the first January of each year.*

2.2.1.2 *Member who fails to settle their subscription by the 31st of March shall be suspended from the roles of the society. To be reinstated a member shall settle the subscription by the 30th of June failing which he will be de-registered.*

2.2.1.3 *Resignation any member who wishes to resign from the Society shall give two weeks' notice in writing to the Secretary and pay all dues.*

Rekod ahli sentiasa diperbaharui dalam pengkalan data ahli MSNT. Ahli boleh menyemak keahlian mereka di <https://member.msnt.org.my/>. Rekod boleh dikemaskini secara online di <https://member.msnt.org.my/login>. Sebarang masalah dari rekod tersebut boleh dirujuk kepada [contacts@msnt.org.my](mailto:contacts@msnt.org.my).

Disediakan oleh:

Khairul Anuar bin Mohd Salleh, PhD

Mac 2024

Setiausaha MSNT, 2022-2024

**LAPORAN KEWANGAN MSNT (JANUARI 2022 – DISEMBER 2022)**  
*MSNT Treasury Report (January 2023 – December 2023)*



## LAPORAN-LAPORAN JAWATANKUASA MSNT (MAY 2023 – APRIL 2024)

*MSNT Committee Reports (Mei 2023 – April 2024)*

### LAPORAN JAWATANKUASA PENERBITAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT MSNT

#### **AHLI JAWATANKUASA**

1. Dr. Khairul Anuar bin Mohd Salleh (Pengerusi)
2. Dr. Siti Madiha binti Muhammad Amir
3. En. Muhammad bin Abd Nassir
4. En. Shahfuan Hanif bin Ahmad Hamidi

#### **LAPORAN AKTIVITI**

Jawatankuasa Penerbitan dan Pengurusan Maklumat MSNT berfungsi untuk mengurus dan menyampaikan maklumat berkenaan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh MSNT kepada ahli-ahli dan juga masyarakat umum.

Maklumat tersebut disampaikan melalui beberapa kaedah:

1. Email untuk ahli berdaftar
2. Laman web rasmi
3. Media sosial
  - a. Facebook page
  - b. LinkedIn
  - c. Twitter
  - d. Instagram
4. Aplikasi penghantar mesej
  - a. Telegram


#### **Laman web rasmi (<https://www.msnt.org.my/>)**

Laman web rasmi MSNT (Gambar 1 (a)) mempunyai pelbagai maklumat yang sentiasa dikemaskini mengenai Persatuan dan aktiviti. Bahagian berita di laman web MSNT mempunyai maklumat serta berita, dan perkembangan terkini mengenai MSNT. Sebanyak 37 pos baru pada ruangan berita semenjak AGM yang lepas (3 Mei 2023).


#### **Facebook page (<https://www.facebook.com/malaysiansocietyforndt>)**

MSNT juga mempunyai Facebook *Page*, yang dibangunkan pada 5 Februari 2015. Setiap maklumat dan berita yang disiarkan di laman web akan diselaraskan di Facebook, yang kini mempunyai lebih dari 3600 *likes* (kenaikan sebanyak 300 *likes* semenjak Mei 2023) dan lebih dari 4,010 *followers* (kenaikan sebanyak 434 orang semenjak Mei 2023).

Majoriti *audience* Facebook *page* berumur antara 25 -34 tahun Gambar 1 (b). Lokasi majoriti *audience* *page* tersebut ialah Kuala Lumpur, diikuti Johor Bahru, Shah Alam, Terengganu, dan bandar-bandar lain (Gambar 1 (c)). Negara tertinggi lain yang menjadi *audience* Facebook *page* MSNT selain Malaysia ialah India, Indonesia, Singapura, Australia, Filipina, Arab Saudi, UAE, Mesir, dan Iraq.




(a)



(b)

**Top cities**



(c)

Gambar 1: (a) Muka hadapan website MSNT (b) Pengikut Facebook page MSNT (sehingga Mac 2024) (c) Lokasi majoriti audience page MSNT (sehingga Mac 2024)

**LinkedIn**

Selain dari laman web dan Facebook, Ahli Lembaga Pengarah (BOD) MSNT juga membangunkan media sosial seperti LinkedIn yang memberi tumpuan kepada rangkaian profesional dan pengembangan kerjaya. MSNT mempunyai *profile* LinkedIn (<https://www.linkedin.com/in/secretariat-msnt/>), ditunjukkan di Gambar 2 (a) dan juga *page* <https://www.linkedin.com/company/malaysian-society-for-ndt>), ditunjukkan di Gambar 2 (b).


LinkedIn *profile* mempunyai 2,267 *followers* (kenaikan sebanyak 729 semenjak Mei 2023) manakala LinkedIn *page* mempunyai 2,376 *followers* (kenaikan sebanyak 842 orang semenjak Mei 2023).

**X (Twitter (<https://twitter.com/MalSocForNDT>))**


Media sosial lain milik MSNT ialah X (Twitter) (Gambar 3 (a)) yang kini mempunyai 63 *followers* (kenaikan sebanyak 17 orang semenjak Mei 2023). Semua *post* dari Facebook akan diselaraskan secara manual di LinkedIn dan X.

## Telegram

MSNT juga telah membangunkan kumpulan Malaysian Society for NDT di aplikasi Telegram, ditunjukkan pada Gambar 3 (b). Sehingga Mac 2024, kumpulan Telegram MSNT mempunyai keahlian seramai 108 orang. MSNT turut membangunkan Telegram MSNT *Members Channel*, seperti Gambar 3 (c). Kedua-duanya telah dibangunkan khusus untuk Ahli bagi memaklumkan perkembangan terkini berkenaan MSNT. Jemputan kepada ahli telah dihantar pada 15 Jun 2021. Sehingga laporan ini ditulis, kumpulan Telegram MSNT terdiri dari 108 orang dan Telegram MSNT *Members Channel* mempunyai 89 pelanggan.



Gambar 2: (a) MSNT LinkedIn profile (b) MSNT LinkedIn Page




Gambar 3: (a) X (Twitter) (b) MSNT Telegram Group (c) MSNT Telegram Members Channel

## e-Newsletter

Jawatankuasa ini juga menyampaikan maklumat berkaitan aktiviti MSNT dan ahli-ahli di dalam terbitan E-Newsletter. Antara AGM terakhir dan AGM hari ini, sebanyak 2 E-Newsletter iaitu Edisi 95 dan Edisi 96 telah berjaya diterbitkan (rujuk Gambar 4). E-Newsletter tersebut boleh dimuat turun dari *tab download* website MSNT. Makluman berkenaan terbitan E-Newsletter telah dan akan sentiasa disalurkan melalui email yang didaftarkan, *website* dan semua media sosial MSNT. Ahli MSNT digalakkan untuk mengemaskini alamat email mereka di <https://member.msnt.org.my/>.



(a)



(b)

Gambar 4: Muka hadapan dua e-Newsletters yang telah berjaya diterbitkan, edisi 95 dan 96

Ahli-ahli juga digalakkan untuk menghantar berita kepada MSNT melalui setiausaha eksekutif untuk dimuatkan dalam E-Newsletter MSNT.

## PENGHARGAAN

Jawatankuasa Penerbitan dan Pengurusan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli, BOD, Syarikat dan Individu yang telah menyumbang idea, komen dan maklumat, khususnya dalam penerbitan e-Newsletter dan aktiviti media sosial yang lain (*Likes* dan *Follow*).

Disediakan oleh:

Khairul Anuar bin Mohd Salleh, PhD

Pengerusi

Jawatankuasa Penerbitan dan Pengurusan Maklumat MSNT

## LAPORAN JAWATANKUASA LATIHAN DAN PERSIJILAN MSNT

### **AHLI JAWATANKUASA**

1. Hj. Ahmad Zamri Bin Sulaiman (Pengerusi)
2. Dr. Khazali Haji Mohd Zin

### **LAPORAN AKTIVITI**

#### **Latihan**

Tiada program latihan dijalankan sepanjang Mei 2023 - April 2024.

#### **Projek MSNT sebagai ILB NDT**

1. Permohonan MSNT bagi tajuk Standard (NOSS) baharu bagi bidang NDT – Civil Engineering (NDT-CE) dan NDT - Aeroangkasa telah diluluskan dan akan dibangunkan secara dalaman pada tahun 2024.
2. Tajuk NOSS baharu yang akan dibangunkan adalah seperti berikut:
  - a. Rebound Hammer Tahap 1 hingga Tahap 3
  - b. Ultrasonic Pulse Velocity (UPV) Tahap 1 hingga Tahap 3
  - c. Ground Penetrating Radar (GPR) Tahap 1 hingga Tahap 3
  - d. Ultrasonic Testing (Aerospace) Tahap 1 hingga Tahap 3

Sehingga kini, tiada pusat latihan tempatan dan badan pensijilan NDT di Malaysia (JPK, BINDT, CSWIP, ASNT) yang menawarkan latihan dan pensijilan yang berstruktur untuk bidang NDT-CE ini. Hanya negara Itali dan Jerman sahaja yang menawarkan latihan dan pensijilan dalam NDT untuk struktur awam. Sehubungan itu, Malaysia perlu menjadi negara pertama di Asia dengan menjadi hub yang menawarkan latihan dan pensijilan dalam NDT-CE.

1. MSNT juga telah menghantar permohonan untuk membangunkan Standard bagi Struktur Awam kepada Jabatan Standard Malaysia dan masih menunggu keputusan.
2. MSNT turut mencadangkan pada JPK untuk gesaan melaksanakan persijilan untuk bidang Ultrasonis Testing-Phased Array (UT-PA).

#### **Perhubungan dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)**

1. Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah mencalonkan wakil MSNT bagi menganggotai Ahli Jawatankuasa Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran Lain (JPKKL) iaitu Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin, manakala untuk ahli ganti ialah Dr. Ab. Razak bin Hamzah.
2. Sehingga April 2024 sebahagian daripada ahli-ahli Jawatankuasa telah menghadiri beberapa mesyuarat anjuran JPK antaranya Mesyuarat Penyelarasan dan Perlaksanaan Aktiviti ILB JPK dan Mesyuarat Penyelarasan Permohonan NOSS.
3. Ahli Jawatankuasa Latihan & Persijilan juga telah menghadiri Seminar Tripartite antara Industri, Pusat Latihan dan Pendidikan TVET dan Agensi Kerajaan Tahun 2024 - "Greater TVET Future Talent: Facing the Changing World of Work" pada 5 Mac 2024. Seminar Tripartite 2024 diadakan adalah bertujuan memahami cabaran yang dihadapi oleh pemegang taruh JPK dalam menghadapi peralihan dunia pekerjaan yang memerlukan perubahan sistemik berkesan terhadap kewujudan pekerjaan- pekerjaan baru yang tidak dapat dielakkan, yang seterusnya

akan menyebabkan perubahan terhadap teknologi, kemahiran dan pekerjaan sedia ada. Melalui seminar ini, bagi mendepani perubahan dunia pekerjaan, lima (5) bidang utama High Growth, High Value (HGHV) berdasarkan polisi utama semasa negara dipilih dan dipadankan dengan semua pemegang- pemegang taruh JPK.

Disediakan oleh:

Hj. Ahmad Zamri Bin Sulaiman

Pengerusi JK Latihan & Persijilan MSNT 2022-2024

## LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT DAN TEKNIKAL MSNT

Tujuan Jawatankuasa ini untuk membincangkan perkara-perkara teknikal berkaitan aktiviti teknikal MSNT yang dibangkitkan oleh mesyuarat Lembaga MSNT. Juga membantu aktiviti jawatankuasa MSNT yang lain jika di perlukan.

Aktiviti Jawatankuasa Penasihat & Teknikal Latihan terdiri daripada:

- a. Dr. Ab Razak bin Hamzah (Board MSNT - Pengerusi)
- b. Dr. Muhammad Nur Farhan bin Saniman (UniKL-MFI)
- c. Dr. Siti Madiha binti Muhammad Amir (Agensi Nuklear Malaysia)
- d. Suhairy bin Sani (Agensi Nuklear Malaysia)

Aktiviti-aktiviti tahun 2023-2024:

### a) Buku kecil formula NDT

Deraf akhir buku formula untuk teknik Ultrasonik telah di sediakan dan ahli jawatankuasa sedang menghalusi dan menyemak deraf tersebut. Buku ini akan diedarkan kepada ahli MSNT secara percuma. Ahli jawatankuasa turut menyediakan deraf awal buku formula untuk teknik Arus Pusar.

### b) Borang tinjauan Anugerah Penyedia Khidmat NDT

Deraf borang tinjauan nugerah Penyedia Khidmat NDT telah disediakan. Anugerah ini akan diberi semasa berlangsungnya acara 7th MINDTCE, hadiah dicadangkan berupa sebuah plat dan sijil.

### c) Kursus kesedaran ISO 17020 - *the competence of bodies performing inspection*

Deraf kursus kesedaran telah dibuat daripada makluman Jabatan Standards Malaysia dan di serahkan kepada Jawatankuasa Keahlian & Perhubungan Awam untuk penyediaan brosur, urusan kos kursus seteruskan mengadakan kursus tersebut. Di jangkaan kursus ini di jalankan pada masa terdekat.

### d) Ceramah Kerjaya dan Teknikal NDT

Ahli-ahli MSNT digalakan memberi ceramah kerjaya atau teknikal NDT di mana institusi atau pusat pengajian tinggi untuk menggalakan pelajar-pelajar menceburi bidang NDT. Di antaranya, ceramah industri yang diadakan di UniKL-MFI yang mana penceramahnyanya terdiri daripada ahli MSNT iaitu En. Wan Abdullah Wan Hamat.

Selain itu turut diadakan ceramah teknikal bagi topik 'NDT untuk Aplikasi Kejuruteraan Awam' yang dianjurkan oleh Nuklear Malaysia dengan sokongan MSNT telah menjemput pakar-pakar daripada IAEA.

Disediakan oleh:

Dr. Ab Razak bin Hamzah  
Pengerusi, JK Penasihat & Teknikal MSNT 2022-2024

## LAPORAN JAWATANKUASA KEAHLIAN DAN PERHUBUNGAN AWAM MSNT

### **AHLI JAWATANKUASA**

1. En. Amry Amin Abas (Pengerusi)
2. Cik Noorhazleena Azaman
3. Pn Nurul A'in Ahmad Latif
4. Dr Sapizah Rahim
5. En Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi
6. En Mohd Kamal Shah Shamsudin
7. En. Mohd Yusnisyam Yusof
8. En Masrol Nizam Salleh
9. En Arshad Yassin

### **LAPORAN AKTIVITI**

Jawatankuasa Keahlian dan Perhubungan Awam MSNT ditubuhkan adalah untuk menganjurkan aktiviti untuk ahli-ahli MSNT dan menguruskan perkara berkenaan perhubungan awam. Penjualan barangan *merchandise* MSNT telah diteruskan secara atas talian dan ketika acara-acara rasmi anjuran MSNT. Jawatankuasa ini telah merancang beberapa kejohanan sukan seperti golf dan juga badminton dan telah diadakan dengan jayanya. Jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa mesyuarat dan perbincangan untuk memastikan acara-acara yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

#### **Penganjuran MSNT Golf Tournament 2023**

Kejohanan Golf MSNT 2023 secara julung kalinya telah diadakan pada 26 Ogos 2023 di Kelab Golf Danau UKM. Objektif penganjuran kejohanan golf MSNT julung kali ini adalah untuk mewujudkan satu platform untuk membina jaringan antara ahli MSNT dan juga pemain industri berkaitan NDT samada di dalam dan luar negara. Di samping itu peserta dapat mempamerkan kemahiran masing-masing dan mengharumkan nama organisasi yang diwakili. Kejohanan ini yang telah dianjurkan dengan jayanya adalah hasil daripada sumbangan penaja Platinum, Gold dan juga Silver dan ini juga merupakan peluang kepada organisasi untuk mempromosi peranan mereka di dalam industri ini. MSNT mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penaja. Senarai penaja adalah seperti berikut:

Platinum sponsor:

1. Asset Integrity Technology Sdn Bhd
2. Altec Industrial & Engineering Supply Sdn Bhd
3. Valser Oil & Gas Groups of Company

Gold sponsor:

1. Hi Tech Dynamic Sdn Bhd
2. NDE Consultancy Services Sdn Bhd
3. Marniq Bersatu Sdn Bhd
4. Element Inventive (Vietnam)



Silver sponsor:

1. Bumitech Global Energy Sdn Bhd
2. Ipetro Services Sdn Bhd

Dato Hj Mohd Sabri Zahari dari Asset Integrity Technology Sdn Bhd (AIT) telah dilantik sebagai Pengarah Kejohanan berdasarkan kepada ketokohan dan pengalaman luas beliau dalam penganjuran kejohanan seperti ini. Beliau telah memberi nasihat tentang aspek teknikal permainan golf dan aspek-aspek yang perlu dipertimbangkan. Penyertaan kejohanan kali ini terbahagi kepada penyertaan individu dan berpasukan serta beberapa novelties. Satu permainan mini golf telah diadakan untuk memberi peluang kepada yang tidak ada pengalaman bermain golf untuk mengalami keseronokan putting di green. Seramai 77 pemain golf dan 16 pasukan telah menyertai kejohanan ini. Berikut adalah senarai pemenang bagi setiap kategori:

#### **Individual Medal A**

1. Sapuan Nonan
2. Dato Hj Mohd Sabri Zahari
3. Hasnizam
4. Nasarudin Abdul Basir
5. A Azrin
6. Tugiman
7. Dr Mahmood Dollah
8. Yusri Mohamad
9. Hero
10. Azmi Katiman
11. Khailani
12. Hj Zamri Ghani
13. Mohd Rohaimi Yusof
14. Mohd Asri
15. Nizam

#### **Individual Medal B**

1. Syukor
2. Datuk Dr Daud Mohamad
3. Roslan Abd Razak
4. Hj Farid
5. Nazli
6. Luqman Hakim Chandran Rajasingam
7. Sykry
8. Hasfazilah Hassan
9. Duong Xuan Mung
10. Dato Hj Mohd Faizal
11. Mohd Khairul Nizam Mohd Azmi
12. Amir Mushannif
13. Arif Kamarudin Mustahil
14. Wan Mohd Serry Akhty Wan Zaki
15. Hafiz

### **Team**

1. Asset Integrity Technology (AIT)
2. PETRONAS A
3. HRSB Sigma Envirotech B

### **Novelties**

Nearest to the line (Hole 5): Ahmad Shukor

Nearest to the line (Hole 12): Dato Zakaria Kasah

Nearest to the pin (Hole 6): Asri

Nearest to the pin (Hole 13): Azmi Katiman

Longest Drive (Hole 15): Sapuan Nonan

Longest Drive (Hole 7): A Azrin

### **Minigolf**

1. Dr Ab Razak Hamzah
2. Zainul Arifin
3. Nurul Ain Ahmad Latif
4. Arshad Yassin
5. Mohd Yusnisyam Yusof







### **Penganjuran MSNT Badminton Tournament 2024**

Kejohanan Badminton MSNT 2024 secara julung kalinya telah diadakan pada 24 Februari 2024 di Puchong Sport Center. Objektif penganjuran kejohanan ini adalah untuk mewujudkan satu platform networking dan mengeratkan silaturrahim di antara ahli di samping memberi peluang kepada ahli-ahli untuk menonjolkan bakat dalam permainan badminton. MSNT amat berbangga dan berbesar hati kepada G7 Aerospace Sdn Bhd selaku penaja utama serta Epic Aero Sdn Bhd, One A Badminton Club dan UTMr Enterprise sebagai penaja bersama. Kejohanan selama setengah hari ni telah mendapat sambutan di kalangan ahli dengan sebanyak 16 pasangan beregu lelaki dan 3 pasangan beregu wanita. MSNT mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua peserta kerana sudi meluangkan masa memandangkan jadual kerja pengamal NDT yang kebiasaannya adalah ketat. Syarikat dan organisasi yang telah mempertaruhkan bakat ahli mereka adalah seperti berikut:

1. Tentera Udara Diraja Malaysia
2. Lott Inspection Sdn. Bhd.
3. Agensi Nuklear Malaysia
4. G7 Aerospace Sdn. Bhd.
5. Epic Aero
6. KPG Synergy Sdn Bhd
7. Applus+
8. One A Badminton Club

Tahniah diucapkan kepada pemenang-pemenang berikut:

#### **Beregu lelaki**

- 🏆 Juara: Che Mohammad Hisham b Che Rahim, Hadi Syamizan b Hamdan (One A Badminton Club)

- 🥈 Naib Juara: Wan Abdullah bin Wan Hamat, Mohd Noor Firdaus b Haron (One A Badminton Club)
- 🥉 Tempat ke 3: Kong Tek Choy, Mohammad Faiz b Md Izham (One A Badminton Club)
- 🥉 Tempat ke 4: Amry Amin Abas, Mohd Kamal Shah (Nuklear Malaysia)

### Beregu Wanita

- 🥇 Juara : Noriffah Ilyani bt Zuraimi, Nurul Hidayah binti Bahrin ([Applus+](#))
- 🥈 Naib Juara : Shazatul Norain Binti Fadli, Nur Hidayah Najihah binti Baharuddin ([Applus+](#))





Disediakan oleh:

Amry Amin Abas  
Pengerusi JK Keahlian dan Perhubungan Awam 2022-2024

## LAPORAN JAWATANKUASA TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN MSNT

### AHLI JAWATANKUASA

1. Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi (Pengerusi)
2. Muhammad Nur Farhan Saniman
3. Khairul Anuar Abd Wahid
4. Mohd Noorul Ikhsan Mohamed
5. Noor Azreen Masenwat
6. Mohd Zaki Umar
7. Sapizah Rahim
8. Noorhazleena Azaman

Jawatankuasa Teknologi dan Penyelidikan merupakan satu jawatankuasa yang diwujudkan untuk mempromosikan teknologi dan penyelidikan dalam bidang NDT. Jawatankuasa ini menasaskan penganjuran sesi webinar, bicara teknikal, serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan teknologi dan penyelidikan bidang NDT bagi tujuan penyampaian dan perkongsian kepada ahli-ahli dan masyarakat umum.

### AKTIVITI

#### **1. Bicara Teknikal “PETRONAS Digitalization and Business Sustainability Framework”.**

Satu bicara teknikal “PETRONAS Digitalization and Business Sustainability Framework” telah berlangsung dengan jayanya pada 8 November 2023 bertempat di UniKL MFI, kerjasama antara MSNT dan UniKL MFI.

MSNT mengucapkan jutaan terima kasih kepada Naib Presiden MSNT, Encik Wan Abdullah Wan Hamat, sebagai penceramah bagi acara tersebut. Kepakaran dan pengalaman yang berharga beliau menyumbang kepada pengetahuan berkaitan teknologi dan kejuruteraan, permasalahan terkini serta strategi inovasi di dalam perkhidmatan digital kepada pengurusan operasi syarikat. Acara ini juga berlangsung secara “live streaming” di facebook “page” UniKL MFI.

Secara keseluruhan, acara ini mengetengahkan pengetahuan dan kesedaran kepada ahli dan masyarakat berkaitan pengenalan dan penyelesaian digital dan perkhidmatan pintar seperti IoT, robotic, automasi AI dalam memastikan kemampanan perniagaan di masa hadapan.



## 2. E-Mobility Asia and Malaysia EV Ecosystem Skills Conference 2023

MSNT telah menzahirkan komitmen untuk memajukan teknologi hijau dan “electromobility” sebagai pempamer di E-Mobility Asia yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 22 hingga 24 November 2023. Acara tiga hari itu menampilkan pameran perdagangan dan dua persidangan oleh rakan strategik — Persatuan Kenderaan Elektrik Malaysia (EVAM) dan Institut Automotif, Robotik & IoT Malaysia (MARii). MSNT merebut peluang untuk mempamerkan peranan penting Ujian Tanpa Musnah (NDT), Ujian Radiografi - Digital (RT-D), dan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dalam memupuk kecemerlangan industri.

Di dalam acara itu juga, Dr Khairul Anuar (Setiausaha MSNT) telah dijemput sebagai salah seorang penceramah, dan Dr. Ilham Mukriz (President MSNT) sebagai ahli panel dalam sesi dialog bertemakan “Streamlining TVET Programmes for International Recognition”.



Penglibatan aktif MSNT dalam E-Mobility Asia dan Persidangan Kemahiran Ekosistem EV Malaysia 2023 sesuai dengan komitmen masyarakat yang tidak berbelah bahagi untuk menerajui inovasi dan kemampuan dalam teknologi hijau dan “electromobility”.

## 3. Bicara teknikal "NDT for Civil Engineering Inspection"

Satu bicara teknikal telah diadakan atas usaha bersama antara Agensi Nuklear Malaysia dan MSNT yang bertajuk “NDT for Civil Engineering Inspection” pada 7 Februari 2024, di Agensi Nuklear Malaysia, Bangi. Seramai hampir 50 orang peserta yang terdiri daripada professional industri, penyelidik, dan



penyedia perkhidmatan mengambil bahagian secara aktif dalam meneroka peranan penting amalan ujian tanpa musnah (NDT) di dalam kejuruteraan awam (NDT-CE).

Bicara teknikal ini menampilkan penceramah Abel Domato Jayo dan Dario Foppoli, kedua-duanya pakar IAEA yang diiktiraf antarabangsa dalam bidang NDT-CE. Pembentangan mereka menyampaikan pandangan dan kepakaran yang tidak ternilai, memberi penerangan tentang kemajuan terkini, metodologi dan amalan terbaik dalam pemeriksaan kejuruteraan awam melalui teknik NDT.

Secara keseluruhannya, melalui pengalaman bersama, kajian kes, dan sesi interaktif, para peserta memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang teknologi terkini dan pendekatan inovatif yang penting untuk amalan NDT dalam kejuruteraan awam. Acara ini juga sebagai platform untuk pertukaran pengetahuan, peluang rangkaian, dan menggalakkan usaha kerjasama dalam meningkatkan standard dan keunggulan dalam aplikasi NDT untuk pemeriksaan kejuruteraan awam.



## **PENGHARGAAN**

Jawatankuasa Teknologi dan Penyelidikan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua individu, ahli, dan BOD dalam menyumbang idea dan tenaga dalam menjayakan aktiviti-aktiviti khususnya dalam teknologi dan penyelidikan NDT.

Disediakan oleh:

Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi  
Pengerusi JK Teknologi dan Penyelidikan 2022-2024

## **MEMBENTANG DAN MEMBAHASKAN USUL** *Presentation and debate on proposed motions*

TIADA